

Tentera AS digesa serahkan kuasa pemerintahan kepada negara itu

Keluar dari Iraq - PM

UM - 25/1/2007

Oleh NIZAM YATIM

Alasan AS bahawa tentera negara itu harus kekal bagi mengelakkan perang saudara dan memastikan pemerintah Iraq sekarang tidak tumbang, tidak boleh diterima

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa tentera Amerika Syarikat (AS) supaya keluar dari Iraq dan menyerahkan kuasa pemerintahan sepenuhnya kepada kerajaan negara itu untuk menyelesaikan masalah dalamannya.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, langkah tersebut adalah penting kerana sebarang campur tangan AS di Iraq dan negara-negara lain seperti Afghanistan serta sokongan terhadap Israel akan meningkatkan kemarahan umat Islam hingga mewujudkan lebih banyak kumpulan pelampau agama.

"Saya ingin menegaskan bahawa AS harus keluar dari Iraq dan jika berlaku pertelingkahan seperti perbezaan fahaman antara Syiah dan Sunah, maka menjadi tanggungjawab kerajaan negara itu sendiri untuk menyelesaikannya dan bukannya AS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemubual oleh Zeinab Badawi dalam edisi khas *Asia Today*, *BBC* yang disiarkan secara langsung dari London hari ini.

Menurut beliau, alasan AS bahawa tentera negara itu harus kekal bagi mengelakkan perang saudara dan memastikan pemerintah Iraq sekarang tidak tumbang, tidak boleh diterima.

"Sebab kenapa masalah di Iraq amat payah untuk diselesaikan ialah berikutan campur tangan pihak asing yang cuba menyelesaikan masalah dalaman dan sepatutnya ia diselesaikan di kalangan sesama Islam," katanya.

Abdullah menambah, AS sepatutnya mengambil tindakan untuk meredakan ketegangan antara Barat dan dunia Islam dengan meningkatkan kefahaman Islam sebenar yang tidak menentang pemodenan kepada masyarakat Barat.

"Banyak pihak yang tidak mahu mendedngar penjelasan, tetapi saya akan terus mengetengahkan konsep Islam Hadhari iaitu mengenai peradaban Islam dan di mana sahaja saya pergi, setakat ini hadirin amat berpuas hati dengan penjelasan diberikan dan menunjukkan minat," katanya.

Menurut Perdana Menteri, seruan supaya

AS tidak campur tangan bukan bermakna OIC menggalakkan perang saudara di Iraq kerana beliau sebagai pengerusi pertubuhan itu sentiasa menyatakan penentangan terhadap perkara tersebut.

Sebaliknya, kata Abdullah, beliau mahu ia diselesaikan oleh rakyat negara itu sendiri.

Mengenai dakwaan bahawa OIC bersikap berdiam diri terhadap golongan pelampau agama, Abdullah berkata, ia tidak betul kerana beliau sepanjang masa dalam ucapannya menegaskan bahawa pertubuhan itu bersikap toleransi sifar terhadap pengganas dan tidak akan bertolak ansur dengan kumpulan tersebut.

Mengenai langkah-langkah bagi mengatasi perkembangan kumpulan pelampau Islam, Abdullah berkata, tumpuan OIC ialah untuk membangunkan ekonomi negara-negara anggota.

■ Lihat muka 2

Keluar dari Iraq - PM

"OIC selama ini terlalu banyak melibatn diri dalam politik, oleh itu kita kini mesti melakukan sesuatu bagi membantu golongan miskin, buta huruf dan negara-negara anggota yang ketinggalan dari segi ekonomi," katanya.

Di Malaysia sendiri, kata beliau, kerajaan telah bertindak pantas terhadap mereka yang cenderung kepada fahaman pelampau Islam termasuk dengan mengadakan perbincangan dan juga menahan mereka.

"Ini yang dilakukan oleh Malaysia sepanjang masa dan semua pihak dapat melihat bahawa walaupun Islam adalah agama rasmi tetapi pelaksanaannya dibuat secara sederhana," ujarnya.

Abdullah juga menolak dakwaan segelintir pihak termasuk di kalangan bukan Islam di negara ini bahawa wujudnya gerakan untuk melaksanakan Islam secara agresif di Malaysia

sehingga menjejaskan hak penganut agama lain.

"Sehingga kini kita masih berpegang kepada kebebasan beragama kepada kaum-kaum lain dan ia dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan dan pada masa sama kita tidak meringirkan kaum lain.

"Malah mereka sama-sama terlibat dalam pemerintahan kerana kita mempunyai kerajaan yang berpegang kepada prinsip berkongsi kuasa," jelasnya.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, beliau mengakui wujud kumpulan tertentu termasuk parti politik yang mahukan Islam lebih agresif termasuk mewujudkan negara Islam di Malaysia.

"Kita memberikan kebebasan kepada parti politik terbabit untuk bertanding dalam pilihan raya dan jika

bukan Islam mahu mengundi parti itu, ia terpulang kepada mereka," ujarnya.

Mengenai pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata, beliau sudah tentu akan terus bertanding dan mengekalkan jawatan sedia ada kerana banyak kerja yang perlu dilakukan.

Menjawab soalan adakah kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak disenanginya, Abdullah berkata, bekas Perdana Menteri itu telah menjelaskan apa yang dimahukannya tetapi beliau sebagai Perdana Menteri perlu melaksanakan apa yang difikirkan boleh dilakukan pada masa kini.

"Ekonomi kini bertambah baik dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah dilancarkan pada tahun lalu dan kini ia semakin rancak walaupun pada awalnya bergerak agak perlahan sedikit," ujarnya.